

12 OCT 1998

Abdullah-Dasar

M'SIA TERUS DASAR TINGKAT HUBUNGAN DAGANGAN SEMASA KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Malaysia meneruskan dasarnya untuk meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara luar walaupun negara dan rantau Asia kini dilanda kegawatan ekonomi, kata Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Katanya, negara akan terus mencari peluang perdagangan dan pelaburan dengan rakan niaga luar memandangkan usaha itu membantu Malaysia mengurangkan tekanan daripada masalah kewangan dan ekonomi.

"Melalui dasar ini, negara menghasilkan lebih dagangan sebanyak RM6.3 bilion dalam bulan Ogos tahun ini dan melaluinya juga sektor industri tempatan dapat meneruskan operasi masing-masing," katanya.

Beliau bercakap pada persidangan berita selepas perbincangan antara delegasi Swaziland yang diketuai Raja Mswati III dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Abdullah berkata beberapa langkah yang dilaksanakan kerajaan, termasuk kawalan matawang, memberi peluang kepada pelabur asing untuk membuat penilaian dan perancangan dengan lebih jelas dan baik.

Katanya, pelabur tempatan sendiri mendapati lebih mudah untuk membuat perancangan kos pelaburan apabila nilai matawang ringgit ditetapkan pada RM3.80 bagi AS\$1.

"Walaupun keadaan ekonomi tidak sebaik dahulu, namun kita bersedia menerima pelaburan dan memperluaskan hubungan ekonomi dengan rakan niaga asing," katanya.

Abdullah berkata kerajaan yakin minat pelabur terhadap Malaysia akan pulih tidak lama lagi berikutan pelaksanaan beberapa langkah kewangan dan ekonomi.

Bersempena dengan perbincangan delegasi hari ini, Dr Mahathir dan Raja Mswati menyaksikan upacara menandatangani perjanjian perdagangan dan perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan antara Malaysia dan Swaziland.

Abdullah menandatangani kedua-dua perjanjian itu bagi pihak kerajaan Malaysia manakala Swaziland diwakili Menteri Luar Dan Perdagangan Albert H.N. Shabangu.

Abdullah berkata Swaziland dan Malaysia berminat untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan latihan sumber manusia.

Katanya, Dr Mahathir menawarkan peluang latihan untuk pegawai-pegawai Swaziland di Malaysia dan berhasrat untuk melihat peningkatan dalam perdagangan di antara kedua-dua negara.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Swaziland hanya kira-kira RM3.2 juta, tetapi Abdullah berkata terdapat banyak peluang yang boleh diterokai dalam kedua-dua pasaran itu.

Katanya, antara import Malaysia dari Swaziland ialah turbin, mesin peracuan dan alat penyujuk manakala negara Afrika itu memerlukan alat ganti jentera, peralatan besi dan aluminium serta barangan elektrik.

Abdullah berkata beberapa program akan diatur untuk meningkatkan hubungan kedua-dua negara, yang turut membabitkan perbincangan antara ahli-ahli perniagaan yang akan mengenalpasti peluang-peluang perdagangan di Malaysia dan Swaziland. -- BERNAMA

MFJ RA OS